

MA 15/8/21 p10

1,079 gelandangan dibantu KWP, DBKL sepanjang pandemik Covid-19

Kuala Lumpur: Bukan sedikit bilangannya, tetapi seramai 1,079 gelandangan berjaya diselamatkan dan diberi bantuan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepanjang tempoh pandemik Covid-19 sejak Mac tahun lalu.

Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Rosida Jafar berkata, seramai 747 gelandangan membatikan 459 lelaki dan 74 wanita diselamatkan sepanjang tahun lalu.

Ini diikuti seramai 332 membatikan 309 gelandangan lelaki dan 23 gelandangan wanita diselamatkan antara Januari hingga Julai lalu.

Beliau berkata, antara punca utama menyumbang kepada pengurangan dalam jumlah gelandangan di Kuala Lumpur adalah langkah proaktif diambil Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa yang berusaha mencari jalan penyelesaian lebih holistik bagi menyelesaikan masalah gelandangan di ibu kota ini.

“Beliau (Annuar) sentiasa prihatin dengan permasalahan dihadapi oleh golongan gelandangan, bertindak mencari pelbagai ruang dan peluang pekerjaan untuk membantu golongan gelandangan.

“Ini bertujuan supaya gelandangan dapat keluar daripada kehidupan silam dan menjadi seorang usahawan atau insan yang berjaya.

“Antaranya adalah memberikan peluang pekerjaan di kilang pembuatan sarung tangan Top Glove Corporation Berhad dan aktiviti pertanian kebun bandar yang dijalankan di Anjung Kelana,” katanya kepada Harian Metro berkenaan isu gelandangan di ibu negara.

Baru-baru ini katanya, Menteri Wilayah Persekutuan juga memperkenalkan inisiatif tambahan melalui Rumah Prihatin untuk menyelaraskan penyerahan bantuan makanan

bermasak yang berkualiti dan sihat kepada golongan gelandangan di Kuala Lumpur.

Menurutnya, inisiatif berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama Sukarelawan Prihatin (PriVo) dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO).

“Antara punca lain yang menyumbang kepada pengurangan dalam bilangan gelandangan di Kuala Lumpur pada 2021 adalah terdapat juga gelandangan yang membuat pengeluaran skim i-Sinar di bawah

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan balik ke kampung halaman mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Hal ini kerana, selain gelandangan tegar, sebahagian daripada mereka yang diselamatkan juga adalah individu yang kehilangan pekerjaan berikutan pelaksanaan PKP,” katanya.

Bulan lalu, KWP melancarkan Rumah Prihatin@Grand Seasons, membatikan pembukaan Dapur Prihatin iaitu dapur berpusat dalam menye-

diakan 1,000 pek makanan setiap hari untuk diedarkan kepada golongan yang tidak berkemampuan, barisan hadapan, gelandangan serta fakir miskin.

Selain itu, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin turut diperkenalkan dengan mewujudkan khidmat kaunseling bersama kaunselor berdaftar yang dijamin kerahsiaannya.

KWP turut memperkenalkan Khidmat Vaksinasi Prihatin iaitu perkhidmatan vaksinasi untuk golongan OKU, gelandangan, penaja dan juga kepada mereka yang memerlukan bantuan khas dalam usaha memperkasakan lagi Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Difahamkan 252 gelandangan di bawah kawalan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Anjung Singgah dan Anjung Kelana sudah selesai menerima kedua-dua dos suntikan vaksin Covid-19 ketika ini.

“
747 gelandangan
diselamatkan
sepanjang
tahun lalu
Rosida



SERAMAI 332
gelandangan
diselamatkan
antara Januari
hingga Julai lalu.